

PENGENALAN

Tayamum merupakan satu rukhsah (keringinan) yang diberikan kepada umat Islam dalam melaksanakan ibadah ketika dalam kezuruan yang dibenarkan oleh syara'. Ianya merupakan ganti untuk wuduk atau mandi janabah (mandi hadas besar) sebagai cara mengharuskan melakukan perkara fardu seperti solat dan tawaf.

RUKUN TAYAMUM

1. Niat bertayamum.
2. Menyapu debu tanah ke muka.
3. Menyapu debu tanah ke kedua tangan hingga siku.
4. Tertib.

SYARAT-SYARAT TAYAMUM

1. Menghilangkan najis terlebih dahulu.
2. Debu tanah yang suci.
3. Bukan daripada debu tanah yang *musta'mal* (yang telah digunakan).
4. Ada *qasad* (niat) penggunaan debu tanah.
5. Menyapu muka dan dua tangan hingga ke siku dengan dua kali tepuk. Tepukan pertama bagi muka dan tepukan kedua bagi tangan.
6. Bertayamum apabila telah masuk waktu solat.
7. Satu tayamum bagi satu solat fardu dan beberapa solat sunat.

CARA BERTAYAMUM

Ambil debu tanah kering yang suci dan tepuk kedua - dua tapak tangan ke atas debu serta sapukan ke bahagian muka yang tidak berbalut. Sewaktu mengangkat kedua - dua tangan hendaklah berniat tayamum dengan lafaz :

نَوَيْتُ التَّيَمُّمَ لِاسْتِبَاْحَةِ قَرْضِ الصَّلَاةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya :

"Sahaja aku bertayamum bagi mengharuskan sembahyang fardu kerana Allah Ta'ala".


SEBAB - SEBAB BERTAYAMUM

1. Apabila ketiadaan air atau ada air tetapi hanya mencukupi untuk keperluan makan dan minum.
2. Boleh membahayakan kesihatan dan nyawa sekiranya menggunakan air.

APLIKASI TAYAMUM



1. Taburkan debu di atas alas yang bersih.



2. Menepuk dua tapak tangan pada debu kali pertama untuk menyapu muka.



3. Menipiskan debu. Jika menipiskan debu di alas yang sama, ia akan menjadi musta'mal (debu yang telah digunakan). Debu musta'mal tersebut tidak boleh digunakan lagi.



4. Berniat tayamum semasa tangan yang berdebu menyapu muka.



5. Menyapu debu ke muka tanpa perlu menggosok untuk tujuan meratakan. Cukup sekadar meratakan bahagian muka secara umum.



6. Membersihkan debu-debu yang melekat di tangan untuk menepuk debu yang seterusnya.



7. Menepuk dua tapak tangan pada debu kali kedua untuk menyapu tangan.



8. Menipiskan debu di tapak tangan sebelum disapu.



9. Menyapu kedua - dua tangan hingga ke siku.



PANDUAN TAYAMUM SEMASA SAKIT

Diterbitkan oleh:

Kementerian Kesihatan Malaysia

KKM/BM/50,000/2017

Dengan kerjasama:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)